

## Pembangunan Sahsiah Melalui Kefahaman *al-Ibtila'*

Rohaida Mohammed Dawam

Universiti Malaya, rohaidamd@gmail.com

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman

Universiti Malaya, smhilmi@um.edu.my

### Abstrak

Secara teorinya, keyakinan terhadap *al-Ibtila'* berperanan meningkatkan keimanan dan ketakwaan seorang Muslim terhadap Allah SWT apabila berhadapan dengan perkara-perkara yang mengejutkan dalam kehidupannya. Isunya ialah kemungkinan ada umat Islam yang sering kali tersalah anggap atau keliru dengan maksud *al-Ibtila'* atau ujian Allah yang sebenar. Mungkin ada yang menyangka bahawa ujian Allah hanyalah berupa musibah, malapetaka, tragedi, bala bencana atau segala bentuk kesusahan. Selain itu, ada juga umat Islam yang tersalah faham dalam menerima *al-Ibtila'*. Berlatarbelakangkan kesamaran ini, suatu kajian dilakukan terhadap mangsa banjir besar di Temerloh, Pahang pada tahun 2014 untuk melihat kaitan antara kefahaman mereka terhadap *al-Ibtila'* dengan pegangan nilai agama yang murni dan pembangunan sahsiah. Hasil kajian mendapati mangsa banjir yang ditemui mengalami peningkatan sifat sabar, reda dan nilai-nilai baik lain yang diajar oleh agama berikut pengalaman menerima ujian Allah.

**Kata kunci:** *al-Ibtila'*, pembangunan sahsiah, kefahaman akidah, banjir besar Temerloh

### *Personality Development through Understanding of al-Ibtila'*

#### *Abstract*

*Theoretically, belief towards al-Ibtila' strengthen Muslims' faith and piety towards Allah when face with any unpredictable matters in life. The issue is, it seems that some in Muslim society often misunderstood or became confused about the definition of al-Ibtila' or trial. Some may misconstrue that Trial is a disaster, affliction, tragedy or calamity. Besides, they also have some misunderstanding in accepting al-Ibtila'. Against this background, a survey was conducted amongst victims of huge flood in Temerloh, Pahang, in 2014 to ascertain the relations between Muslim understanding of al-Ibtila' with holding noble religious values and personality development. Result from this survey found that the flood victims experienced improvement in patience, acceptance and other noble values taught through their receiving of God's trials.*

**Keywords:** *al-ibtila', personality development, creedal understanding, Temerloh huge flood*

## Pendahuluan

*Al-Ibtila'* atau juga disebut ujian Allah merupakan antara elemen terpenting dalam persoalan takdir yang terdapat dalam perbahasan Qada' dan Qadar.<sup>1</sup> *Al-Ibtila'* adalah ketentuan dan ketetapan daripada Allah kepada para hambaNya sejak mula Nabi Adam diciptakan sehingga berlakunya hari kehancuran alam. Firman Allah dalam Surah At-Taubah ayat 51 yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad): Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung yang menyelamatkan kami dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakkal'.

Al-Sha'rawi mentafsirkan ayat di atas sebagai apa jua yang menimpa seorang Muslim merupakan ujian yang termasuk dalam ketentuan Allah dan daripada ujian tersebut dia akan mendapat pahala sekiranya bersabar.<sup>2</sup>

Umat Islam mengakui bahawa semua yang berlaku di atas muka bumi ini adalah di bawah Qada' dan Qadar Allah SWT.<sup>3</sup> Setiap Muslim wajib meyakini bahawa apa yang ditakdirkan kepadanya pasti akan berlaku dan begitulah sebaliknya.<sup>4</sup> Setiap Muslim juga harus memahami bahawa Allah SWT telah mengatur, mentakdirkan rangkaian hubungan sesuatu itu (sebab dan musababnya, illat dan ma'lulnya, fa'il dengan maf'ulnya). Oleh yang demikian Allah SWT telah menciptakan sebab-sebab itu seimbang dengan musababnya.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Faisal Ahmad Shah, "Konsep al-Ibtila' dan Cara Menghadapinya Menurut al-Qur'an dan Sunnah" (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), 6.

<sup>2</sup> Muhammad Mutawalli al-Sha'rawi, *Tafsir al-Sha'rawi* (Kaherah: Dar Akhbar al-Yawm, 1991), 2:663.

<sup>3</sup> Mohd Syukri Hanafi, *Di Sebalik Diri* (Kuala Lumpur: Must Read, 2010), 7.

<sup>4</sup> Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad Ibn Hazm, *'Ilm al-Kalam 'ala Madhab Ahl al-Sunna wa al-Jama'ah*, ed. Ahmad Hijazi al-Saqa (Kaherah: Dar al-Jil, 1989), 79.

<sup>5</sup> Muhammad Hadrami Hassani, *Mengapa Manusia Menjadi Kufur* (Kuala Lumpur: Mulia Terang, 2010), 219.

Allah SWT telah menjadikan dunia ini sebagai tempat ujian. Justeru manusia akan sentiasa diuji oleh Allah SWT.<sup>6</sup> Ujian merupakan lumrah kehidupan bagi setiap manusia di dunia ini sama ada berbentuk kebahagiaan atau penderitaan kepada umat Islam atau kafir, tua atau muda, kaya atau miskin.<sup>7</sup> Tiada seorang manusia pun yang akan terlepas daripadanya.<sup>8</sup> Setiap manusia akan diuji oleh Allah sebagaimana firmanNya:

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ بَتَّلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا

Al-Insan 76:2

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari setitis mani yang bercampur yang Kami hendak mengujinya (dengan perintah dan larangan), kerana itu Kami jadikan dia mendengar dan melihat.

Hakikatnya, hidup di dunia ini adalah ujian dan merupakan Sunnatullah. Dunia yang penuh dengan kesusahan dan penderitaan.<sup>9</sup> Firman Allah:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ فِي كَبَدٍ

Al-Balad 90:4

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia berada dalam susah payah.

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa kehidupan manusia di dunia ini akan sentiasa dihadapkan dengan kesulitan dan kesusahan yang merupakan ujian dari Allah SWT.<sup>10</sup>

Allah SWT memberi para hambanya ujian dalam dua bentuk iaitu *bi al-sharr* atau *bi al-khayr*. *Bi al-sharr* adalah ujian yang berbentuk segala perkara yang tidak disenangi oleh manusia. Manakala *bi al-khayr* adalah ujian yang berupa kesenangan yang

<sup>6</sup> Mohd Khairuddin Aman Razali at-Takiri, *Perspektif Islam Terhadap Fungsi Masjid, Perpaduan, Jihad, Peperangan, Jenayah Rogol, Kemiskinan, Poligami Dan Musibah* (Shah Alam: Darul Fuqaha Enterprise, 2006), 137.

<sup>7</sup> Hassan Huwaydi, *Min Nafahat al-Huda*, (Oman: Dar ‘Umar, 1998).

<sup>8</sup> Harussani Zakaria, *Indahnya Islam Mengatur Kita* (Kuala Lumpur: Must Read, 2010), 272.

<sup>9</sup> Hani Sa‘ad Ghunaim, *Musibah (Ujian) Menyucikan Dosa dan Meninggikan Darjat*, terj. Abu Athiyyah dan Syahrin Jasha (Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa, 2012), 11.

<sup>10</sup> Mohd Isa Selamat, *Jahiliyah di Alaf Baru* (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2002), 25.

disukai oleh manusia. Kedua-dua ujian *bi al-sharr* dan *bi al-khayr* ini boleh berlaku serentak atau saling bergantian.<sup>11</sup> Ada kalanya manusia diuji dengan nikmat yang menyenangkan dan ada kalanya diuji dalam bentuk bala bencana yang menyusahkan.<sup>12</sup> Ujian yang menimpa seseorang itu tidak sama, bahkan ia datang dalam pelbagai macam dan bentuk. Perbezaan bentuk ujian dan musibah itu pula bergantung kepada keadaan seseorang dan jenis kehidupan yang dihadapi, keadaan lingkungannya, waktu seseorang itu mendapat ujian dan sebagainya.<sup>13</sup>

Jelasnya, manusia akan diuji dengan pelbagai cara dan bentuk sama ada kesusahan atau kesenangan. Hal ini diterangkan dalam firman Allah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآيِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةٌ وَإِلَيْنَا تُرَجَّعُونَ

Al-Anbia' 21:35

Terjemahan: Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya). Dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan.

Namun begitu, Allah SWT hanya akan memberi ujian yang bersesuaian dengan kemampuan dan tahap keimanan para hambaNya.<sup>14</sup> Allah sekali-kali tidak akan memberati seorang hamba dengan ujian yang di luar batasan kemampuannya. Hal ini dijelaskan dalam Surah al-Baqarah ayat 216 yang bermaksud “Allah tidak membebani seseorang itu melainkan sesuai dengan kesanggupannya.” Sebagai seorang Muslim, perlu difahami juga bahawa ujian itu diturunkan bertujuan untuk menilai sejauh manakah tahap keimanan dan ketakwaan seseorang hamba

<sup>11</sup> Al-Amin al-Sadiq al-Amin, *al-Thabat 'ala Din Allah wa Atharuhu fi Hayat al-Islam* (Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi, 2004), 2:312-320. Lihat juga Abdul Halim Fathani, *Ensiklopedi Hikmah Memetik Buah Kehidupan di Kebun Hikmah* (Jogjakarta: Darul Hikmah, 2008), 778.

<sup>12</sup> Muhammad bin Abi Bakr al-Jawziyyah, *Iddah al-Sabirin wa Zakhira al-Shakirin* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 161-163. Lihat juga Safwan Fathy, *Motivasi Harian Membina Insan Mulia* (Shah Alam: Federal Publications, 2004), 43.

<sup>13</sup> Abu Muhammad Tolha al-Khairi, *Merentasi Ujian dan Rintangan Mendaki Kejayaan*, peny. Jaafar Salleh (Kuala Lumpur: Penerbit al-Bayan, 2009), 1.

<sup>14</sup> Ibnu Qayyim al-Jauziah, *Rahsia Allah Menguji Kita* (Sungai Buloh: Kemilau Publik, 2014), 61.

terhadap Penciptanya. Matlamatnya hanyalah untuk menguji kesabaran, sebagai penghapusan dosa dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT<sup>15</sup> sebagaimana firmanNya:

أَحَسِبَ الْنَّاسُ أَنَّ يُتْرَكُوا أَن يَقُولُوا إِعْمَانًا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ

Al-Ankabut 29:2

Terjemahan: Patukkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata, kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan).

Sebagai hamba Allah yang bergelar Muslim, keimanan seseorang hamba itu harus dibuktikan dengan ujian untuk melihat sejauh mana seseorang itu mampu mempertahankan nilai kesucian iman yang ia miliki.<sup>16</sup> Semakin tinggi iman seseorang, semakin besarlah ujian yang diberi.<sup>17</sup> Ujian juga dapat menentukan kualiti diri sama ada iman seseorang itu kukuh atau sebaliknya seterusnya untuk mengetahui sejauh mana nilai-nilai positif yang telah menghiasi diri seseorang itu.<sup>18</sup> Hakikatnya hidup ini adalah ujian yang memerlukan tindakan dan penyelesaian. Penerimaan dan sikap terhadap ujian tersebutlah yang membentuk sahsiah seseorang itu.<sup>19</sup>

Justeru, walau sebesar mana sekalipun ujian yang melanda, setiap manusia hendaklah menjaga perilaku dan sahsiah diri agar ia berteraskan keimanan kepada Allah SWT dan nilai-nilai akhlak yang terpuji selaras dengan ajaran yang terkandung dalam al-Quran al-Karim.<sup>20</sup> Ketika ditimpa ujian, seorang Muslim tidak seharusnya lalai serta lupa diri apabila mendapat kesenangan dan berputus asa. Bila sesuatu dugaan melanda, seberat mana pun dugaan itu janganlah mengeluh atau menyalahkan sesiapa, malah

<sup>15</sup> Al-Amin, *al-Thabat 'ala Din Allah*, 322-323. Lihat juga al-Khairi, *Merentasi Ujian dan Rintangan Mendaki Kejayaan*, 1. Lihat juga Abdul Qadir al-Jailani, *Nasihat dan Wirid*, terj. Nabilah Abd Jalil (Batu Caves: Al-Hidayah, 2014), 98.

<sup>16</sup> Mohd Isa, *Jahiliyah di Alaf Baru*, 25.

<sup>17</sup> Al-Jailani, *Nasihat dan Wirid*, 98.

<sup>18</sup> Safwan, *Motivasi Harian Membina Insan Mulia*, 43.

<sup>19</sup> Syed Alwi Alatas, *Bila Allah Menduga Kita* (Kuala Lumpur: Must Read, 2013), 3.

<sup>20</sup> Al-Jauziah, *Rahsia Allah Menguji Kita*, 62. Lihat juga Ibnu Qayyim al-Jauziyah, *Bagaimana Mencapai Ketenangan Jiwa* (Kuala Lumpur: Seribu Dinar, 2004), 197.

individu tersebut perlu belajar menerimanya dengan hati yang terbuka dan belajar menerimanya dengan penuh kesabaran dan keredaan.<sup>21</sup>

Allah akan menguji hamba-nambaNya dengan pelbagai ujian, yang berbeza hanyalah jenis serta bentuknya dan sikap individu itu dalam menghadapi ujian tersebut.<sup>22</sup> Justeru, bagaimanakah seorang Muslim itu harus menghadapi ujian Allah tersebut? Adakah sabar dan reda atas Qada' dan Qadar Allah menjadi pegangannya atau sebaliknya. Abdul Qadir al-Jilani menyatakan, "Manusia itu apabila dia dalam kesusahan dia akan menyalahkan Tuhan, tetapi apabila dia senang maka dia jadi Tuhan."<sup>23</sup>

Menerusi pembacaan, perbincangan, pemerhatian dan pengamatan pengkaji tentang konsep *al-Ibtila'*, pengkaji dapati bahawa umat Islam hari ini sering kali tersalah anggap atau keliru dengan maksud *al-Ibtila'* atau ujian Allah yang sebenar. Kebanyakan masyarakat Islam menyangka bahawa ujian Allah adalah musibah, malapetaka, tragedi atau bala bencana yang menimpa sesiapa menurut kehendak Allah.<sup>24</sup> Namun, sebenarnya ujian Allah itu merangkumi segala bentuk kesusahan dan kesenangan. Salah satu perkara penting yang perlu diketahui tentang ujian hidup adalah ujian itu tidak hanya berbentuk dugaan atau hal-hal yang tidak menyenangkan. Ia juga dalam bentuk nikmat dan kesenangan. Jelasnya, kesenangan juga merupakan ujian.<sup>25</sup> Setiap manusia pasti akan menerima ujian daripada Allah sama ada berupa musibah atau nikmat.

Kebanyakan manusia turut menganggap bahawa ujian dan cubaan dari Allah SWT adalah berupa derita, kesulitan, kegagalan, bencana dan sejenisnya yang lazim disebut musibah. Jarang

---

<sup>21</sup> Alwi, *Bila Allah Menduga Kita*, 1.

<sup>22</sup> Mohd Shauki Abd Majid, *Wacana Hadhari dalam Islam* (Kuala Lumpur: iBook Publication, 2004), 539.

<sup>23</sup> Mohammad Qayyum A. Badaruddin, *Kenapa Allah Murka* (Mantin: Exportal Dot Biz, 2008), vi.

<sup>24</sup> Wan Aznan Wan Abdullah, *Siri Motivasi dan Kecemerlangan Utusan: Pemikiran Positif Cara Islam Jalan Hidup Bahagia, Tenang dan Yakin* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2001), 5.

<sup>25</sup> Al-Amin, *al-Thabat 'ala Din Allah*, 312-320. Lihat juga Salih Ahmad al-Khatib, *al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah* (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2004), 2:269.

dibayangkan bahawa kelapangan hidup, kekayaan, populariti dan kejayaan meraih cita-cita merupakan ujian Allah.<sup>26</sup>

Selain itu, umat Islam juga tersalah faham dalam menerima *al-Ibtila'*. Umat Islam menyedari bahawa kehidupan di dunia ini penuh dengan dugaan dan ujian Allah sama ada berbentuk kenikmatan dan kemewahan atau berbentuk bala bencana atau musibah. Namun begitu ramai beranggapan bahawa sekiranya mendapat nikmat dan kesenangan, bererti Allah menyayanginya. Sebaliknya jika kita ditimpakannya musibah atau bencana, kita menganggap Allah murka dan membencinya.

Al-Quran telah menggambarkan kekeliruan manusia dalam memahami konsep *al-Ibtila* dalam Surah Al-Fajr ayat 15 -16 yang bermaksud,

(Dalam pada itu, manusia tidak menghiraukan balasan akhirat), oleh yang demikian, maka kebanyakan manusia apabila diuji oleh Tuhan mereka dengan dimuliakan dan dimewahkan hidupnya, (ia tidak mahu bersyukur tetapi terus bersikap takabbur) serta berkata dengan sombongnya: Tuhanku telah memuliakan daku). Dan sebaliknya apabila ia diuji oleh Tuhan mereka dengan disempitkan rezekinya, (ia tidak bersabar bahkan ia resah gelisah) serta merepek dengan katanya: Tuhanku telah menghinakan daku).

Berdasarkan ayat tersebut, dapatlah difahami bahawa segala kenikmatan dan kesenangan yang diberikan Allah kepada seseorang bukanlah tanda kasih sayang dan keredaanNya. Begitu juga sebaliknya, kesusahan dan penderitaan yang dialami seseorang bukanlah tanda kebencian dan kemarahan Allah terhadapnya.<sup>27</sup> Namun begitu, telah menjadi resam manusia yang sentiasa lalai dan alpa serta sering menyalahkan takdir sekiranya diuji dengan kenikmatan maupun kepayaan. Apabila diuji dengan nikmat kesenangan seperti kekayaan, kemewahan, kesihatan, kekuatan dan kekuasaan, manusia mula melupakan Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Namun bila diuji dengan sedikit musibah seperti sakit, kemiskinan, kehilangan

---

<sup>26</sup> Halim, *Ensiklopedi Hikmah*, 77.

<sup>27</sup> Muhammad Ghazali, *Tafsir al-Ghazali: Tafsir Ayat-ayat Pilihan*, terj. Safir al-Azhar Ikatan Alumni Universiti al-Azhar Mesir (Johor Bahru: Jahabersa, 2005), 855. Lihat juga Faisal, “Konsep al-Ibtila’,” 12.

nyawa, kemusnahan harta benda dan bencana alam, kita mula menyalahkan takdir dan bersangka buruk terhadap Allah.<sup>28</sup>

Justeru, Islam sebagai agama yang diturunkan untuk menyusun dan mengatur kehidupan di dunia, mengajar umat manusia agar melihat segala peristiwa yang berlaku dari sudut yang lebih positif. Segala yang terjadi ini mengandungi seribu macam pengajaran dan pengiktibaran. Ia perlu dilihat sebagai satu rahmat Allah SWT yang bertujuan memberi peringatan dan kesedaran kepada umat manusia. Peringatan itu merupakan tanda kasih sayang dan rahmat Allah SWT untuk makhluknya sama ada yang kufur mahupun yang beriman.<sup>29</sup>

Persoalannya, bagaimanakah reaksi dan penerimaan umat Islam hari ini terhadap ujian Allah tersebut? Adakah bersabar ketika diuji dengan kesusahan dan kepayahan atau sebaliknya berkeluh-kesah dan menyalahkan takdir? Apa pula reaksi umat Islam ketika dikurniakan kesenangan dan kenikmatan yang melimpah ruah? Adakah bersyukur atau sebaliknya semakin jauh daripada rahmat Allah? Tidak dapat dinafikan, ujian dan musibah sebegini amat meruntun perasaan bak kata pepatah, berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Umat Islam umumnya amat berduka dan simpati atas apa yang menimpa mereka apatah lagi mereka yang melaluinya.

Salah faham terhadap konsep *al-Ibtila'* dan penerimaan terhadap ujian tersebut haruslah diperbetulkan di dalam masyarakat Islam akhir zaman ini. Sekiranya fenomena ini dibiarkan berterusan maka akan pincanglah umat Islam sehingga boleh menyimpang dari agama Islam<sup>30</sup> serta membawa kepada tergelincirnya akidah dan iman seseorang.<sup>31</sup> Kegagalan dalam

---

<sup>28</sup> Muhammad Nur Lubis, *Bencana (al-Ibtila') Pengertian & Konsep* (Batu Caves: Al-Hidayah, 2008), 57.

<sup>29</sup> Al-'Izz bin 'Abd al-Salam, *al-Fitan wa al-Balaya wa al-Mihan wa al-Razaya* (Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, t.t.), 14. Lihat juga Khairuddin, *Perspektif Islam Terhadap Fungsi Masjid*, 138-139.

<sup>30</sup> Ibnu Qayyim al-Jauziyah, *Mensyukuri Musibah*, terj. Nabilah Abd Jalil (Batu Caves: Al-Hidayah, 2009), 8.

<sup>31</sup> Al-Khairi, *Merentasi Ujian dan Rintangan Mendaki Kejayaan*, xx-xxi. Lihat juga Ibnu Qayyim al-Jawziyah, *Ya Allah Kenapa Aku Diuji? Lulus Ujian dan Cubaan dengan Bimbingan al-Quran* (Kuala Lumpur: Inteam Publishing, 2012), 14. Beliau menyatakan ujian sering memalingkan seseorang dari melaksanakan hakikat agama. Terdapat dua kebodohan besar yang

memahami konsep *al-Ibtila'* boleh mempengaruhi tingkah laku dan peribadi individu Muslim tersebut dalam menghadapi kehidupan.<sup>32</sup> Tetapi sebaliknya sekiranya umat Islam dapat memahami konsep *al-Ibtila'* ini dengan sebenar-benarnya, menerima ketentuan dan takdir Allah SWT , maka akan wujudlah umat Islam yang teguh iman dan baik sahsiahnya dalam mencapai kecemerlangan di dunia dan akhirat.<sup>33</sup> Ini kerana akidah yang betul dan keimanan yang mantap merupakan asas utama dalam pembentukan dan pembangunan sahsiah Muslim sejati.<sup>34</sup>

### **Kefahaman Mengenai *al-Ibtila'* dalam Membangunkan Sahsiah**

Seseorang yang memahami konsep *al-Ibtila'* dan konsep Qada' dan Qadar serta persoalan takdir dengan baik, secara tidak langsung, kefahaman ini membawa kepada lahirnya nilai-nilai sahsiah dalam dirinya ketika menghadapi ujian Allah. Tidak dapat dinafikan bahawa secara fitrahnya telah wujud tiga halangan sahsiah dalam diri manusia seperti iaitu unsur hawa nafsu, marah dan kesyaitanan. Ini bermakna apabila diuji dengan kesenangan atau kesusahan, seseorang individu akan menunjukkan reaksinya sebagai manusia yang bersifat lemah dan tidak sempurna. Contohnya, apabila seseorang diberi nikmat kesenangan yang melimpah-ruah, dia mungkin menjadi hamba yang tidak bersabar, kurang bersyukur, sompong, zalim, lalai serta tidak taat kepada Allah. Manakala apabila diuji dengan musibah dan kesusahan dia juga menjadi tidak sabar, tidak bersyukur, putus asa, kecewa, mula berburuk sangka dan menyalahkan takdir atas apa yang berlaku. Padahal dalam kedua-dua bentuk *Ibtila'* tersebut terkandung

---

menyebabkan seseorang itu berpaling daripada agama hanya kerana bencana dan ujian yang dihadapinya.

<sup>32</sup> Faisal, “Konsep al-Ibtila’,” 11.

<sup>33</sup> ‘Aidh Abdullah al-Qarni, *La Tahzan: Jangan Bersedih Setelah Kesulitan Pasti Ada Kemudahan*, terj. Noraine Abu (Batu Caves: Al-Hidayah, 2013), 52. Lihat juga Ibnu Qayyim al-Jauziyah, *Mensyukuri Musibah*, 229. Beliau menjelaskan antara faktor yang membuatkan seseorang itu kuat dan tabah dalam menghadapi ujian dan musibah ialah dengan mengetahui faedah dan hikmah daripada musibah yang dialaminya.

<sup>34</sup> Lukman Hakimi Ahmad, “Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam dalam Pembentukan Sahsiah Muslim: Kajian terhadap Pelajar di Politeknik Pantai Timur” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 141.

banyak hikmah dan pengajaran yang Allah hendak sampaikan kepada umat manusia.

Akan tetapi, keadaan ini tidak berterusan bagi orang-orang yang benar-benar yakin dengan perancangan dan janji-janji Allah. Unsur ketuhanan dalam diri mereka akan bertindak menyedarkan mereka. Unsur ini berkembang melalui ilmu, keimanan, pengalaman, amalan, kematangan serta petunjuk dan hidayah dari Allah dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Apabila menerima ujian-ujian ini, mereka segera bersabar, bersyukur, muhasabah diri, beristighfar, reda, tawakkal, berusaha, berdoa dan semakin mendekatkan diri mereka kepada Allah. Mereka tidak mudah berputus asa dengan rahmat Allah, tidak bersangka buruk terhadap Allah, terhadap apa yang menimpa mahupun terhadap orang yang ditimpa *Ibtila'* tersebut serta tidak menyalahkan takdir sehingga membawa kepada tergelincir imannya. Bahkan hingga ke satu tahap di mana mereka mula berasa penat dan lelah mengejar hal-hal keduniaan yang tiada penghujungnya dan menyedari bahawa nikmat di dunia ini hanyalah sementara. *Ibtila'* Allah membuatkan mereka tidak lagi mencintai dunia dengan segala perhiasannya sebaliknya mengejar kehidupan akhirat yang abadi dalam mendapatkan keredaan Allah SWT. Itulah erti kebahagiaan yang sebenarnya dan di saat itulah ternyata mereka sedang melalui proses pembangunan sahsiah sebagai seorang Muslim yang Mukmin.

Pendapat ini disokong oleh Salim Eid al-Hilali yang mengatakan,

Orang Mukmin yang sempurna keimanan dan tulus keyakinannya sentiasa bersyukur kepada Allah SWT ketika menerima nikmat kesenangan dan bersabar di atas kesusahan yang menimpanya serta sentiasa dalam keadaan reda. Sehingga penderitaan yang dialaminya berubah menjadi nikmat dan ujian menjadi anugerah kerana dia yakin di dalamnya terkandung banyak pahala dan kesudahan yang baik. Sedangkan orang kafir sentiasa gelisah dan marah ketika ditimpa musibah sehingga di dalam dirinya menyatu dua dosa iaitu tidak reda kepada ketetapan Tuhan dan tidak bersabar ketika menerima takdir.<sup>35</sup>

---

<sup>35</sup> Suhili Nain, *Pesanan Buat Diri* (Batu Caves: PTS Islamika, 2011), 57.

Pembangunan sahsiah melalui kefahaman *al-Ibtīlā'* ini telah terbukti melalui beberapa orang responden mangsa banjir besar Temerloh, Pahang, 2014 yang direkodkan seperti berikut.

### Kefahaman Berkenaan Konsep *al-Ibtīlā'*

Hasil daripada temu bual dengan keempat-empat responden tersebut, pengkaji dapat mengenal pasti mereka tidak mempunyai pengetahuan agama yang secara formal berdasarkan jawapan yang diberikan iaitu hanya bersekolah di sekolah rendah dan tidak tamat persekolahan sekolah menengah. Justeru, mereka tidak pernah mendengar perkataan *al-Ibtīlā'* dan tidak mengetahui maknanya secara khusus. Namun begitu mereka biasa mendengar perkataan ujian dan bala menerusi ceramah, kuliah atau tazkirah di masjid, surau, televisyen dan radio. Mereka juga mengetahui elemen-elemen yang terdapat dalam konsep *al-Ibtīlā'* seperti mengakui bahawa banjir besar yang berlaku merupakan takdir Allah dan sebagai manusia yang bersifat lemah mereka tiada daya untuk melawan ketentuan mutlak Allah. Mereka juga mengetahui tentang konsep Qada' dan Qadar yang merupakan Rukun Iman yang keenam. Ini berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden-responden seperti berikut:

Soalan	Pernahkah anda mendengar atau membaca tentang Ibtīlā' atau ujian Allah?
Jawapan	R1 : Pernah dengar di masjid, kuliah dan dalam doa. R3 : Dengar pasal ujian Allah dalam ceramah-ceramah masjid. R4 : Bala pernah dengar.

Soalan	Pernahkah anda mendengar tentang Qada' dan Qadar? Adakah anda tahu bahawa Ibtīlā' atau ujian Allah ini merupakan salah satu persoalan yang terdapat dalam Qada' dan Qadar?
Jawapan	R1 : Tahu. R2 : Kerana percayakan Qada' Qadar, sebab tu boleh sabar lagi. R3 : Pernah dengar.

Mereka menyedari hakikat bahawa dunia sebagai tempat ujian bagi umat manusia setiap manusia akan menerima ujian Allah SWT mengikut kemampuan dan kesesuaian masing-masing. Mereka turut memahami bahawa ujian Allah itu meliputi perkara-perkara yang berbentuk kesusahan dan kesenangan. Walaupun banjir tersebut dianggap sebagai bala bencana, mereka melihatnya dari sudut yang positif dan yakin ianya mengandungi hikmah dan pengajaran yang tersembunyi. Mereka reda banjir yang menimpa kali ini sebagai takdir Allah. Ini dapat dilihat menerusi pandangan-pandangan responden seperti berikut:

Soalan	Adakah anda tahu bahawa setiap manusia akan diuji kerana dunia merupakan tempat ujian?
Jawapan	<p>R1 : Dunia ni lebih tempat kita kena lebih beramal lahir kiranya.</p> <p>R2 : Tuhan uji setakat mana yang kita boleh terima, kita boleh sabar. Dia tak menguji lebih daripada itu.</p> <p>R4 : Anggap banjir itu ujian Dia. Nak tengok kemampuan kita.</p>

Soalan	Adakah anda tahu bahawa ujian Allah merangkumi kesenangan dan kesusahan?
Jawapan	<p>R1 : Kurang pasti.</p> <p>R3 : Kesenangan ujian juga. Allah uji kita ingat tak ingat kita kat Dia kan. Jangan masa susah je baru ingat kat Dia. Bila susah baru nak ingat kat Dia.</p> <p>R4 : Ujian juga.</p>

Soalan	Adakah anda yakin bahawa setiap ujian itu ada hikmah dan pengajarannya?
Jawapan	<p>R1 : Ada. Keburukannya ada, hikmahnya pun ada.</p> <p>R2 : Ada hikmahnya. Hikmah tu kita percaya. Apa yang Tuhan uji itu ada balasan dia.</p> <p>R3 : Bila kena ujian macam ni, kita boleh tahu orang ini siapa, siapa kawan, siapa lawan.</p> <p>R4 : Percaya ada hikmah.</p>

Soalan	Pada pendapat anda, mengapa banjir baru-baru ini agak teruk dalam tempoh sepuluh tahun ini?
Jawapan	R1 : Penebangan hutan tu punca utama berlakunya banjir ni. R3 : Pusat tадahan air semua dah tak ada. R4 : Setiap 40 tahun banjir besar... tahun 1926, 1971, 2014.

Kesimpulannya, responden-responden tersebut memahami konsep *al-Ibtila'* dengan baik. Bencana banjir 2014 tidak sedikit pun menggugat keimanan dan keyakinan mereka terhadap Allah SWT.

### **Pembangunan Sahsiah: Penerimaan Terhadap *al-Ibtila'***

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, walaupun kesemua responden tidak pernah mendengar perkataan *Ibtilā'*, secara umumnya mereka memahami konsep Qada' dan Qadar dan ujian Allah. Menerusi temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati kefahaman tersebut diperoleh secara formal di sekolah menengah serta secara tidak formal melalui ceramah-ceramah di masjid. Berkenaan dengan banjir besar yang melanda Temerloh pada tahun 2014, kesemua responden menyifatkannya sebagai banjir terburuk yang pernah dialami oleh mereka. Ini berdasarkan kepada kerosakan tempat tinggal, kemusnahan harta-benda, kepayahan yang terpaksa diharungi semasa dan selepas banjir berserta sedikit tekanan emosi akibat banjir tersebut. Mereka juga bersetuju bahawa banjir besar 2014 merupakan ujian paling berat yang dialami sepanjang hidup mereka. Bahkan salah seorang daripada responden menyatakan bahawa bencana banjir tersebut meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada dirinya berbanding dengan ujian kematian ibunya. Hal ini berdasarkan kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh responden-responden seperti berikut:

Soalan	Selain banjir, pernahkah anda mengalami ujian lain?
Jawapan	R1 : Kematian ibu, tapi tidak seterus banjir. R2 : Tahun 2010 kena ribut. R3 : Selama duduk sini tak ada. Ujian biasa-biasa ada. R4 : Rumah dimasuki orang.

Kesemua responden mengakui bencana banjir kali ini benar-benar meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri mereka. Tidak dapat dinafikan perasaan sedih menyelubungi diri mereka buat seketika namun kesan fizikal dilihat lebih dominan berbanding kesan psikologi. Kesukaran yang terpaksa dihadapi sewaktu dan selepas banjir menjadikan keletihan untuk tempoh masa yang lama. Pengkaji dimaklumkan bahawa mereka terpaksa meninggalkan kediaman dan menetap sementara di sekolah selama hampir sepuluh hingga dua belas hari kerana rumah mereka dinaiki air hingga ke paras bumbung. Sewaktu tinggal di bangunan sekolah mereka hanya dibekalkan dengan makanan seperti nasi, roti, sardin, telur dan mi Maggi. Hanya itulah makanan untuk mereka meneruskan kehidupan. Salah seorang daripada isteri responden pula baru melahirkan anak ketika itu. Dan mereka suami isteri diuji lagi apabila bayi mereka didapati kurang sihat. Ini berdasarkan luahan hati yang diberikan seperti berikut:

Soalan	Apakah perasaan anda ketika menerima ujian tersebut?
Jawapan	R1 : Letih...letihnya tu tak tahu nak cakap. R2 : Seminggu juga macam hati kosong, tapi cuba juga kemas rumah. R3 : Dalam hati memang ada terdetik rasa sedih. R4 : Kesan emosi ada, cuma letih. Lepas banjir tu memang letih. 2 minggu cuci rumah. Menangis masa tu. Rasa sedih mengenangkan semua benda tenggelam dalam rumah lepas banjir tu. Fikir semua benda nak kena beli baru, duit dah tiada.

Dari sudut emosi, kesemua responden meluahkan perasaan sedih, sebak dan terkejut pada awalnya atas bencana banjir yang berlaku kerana mereka tidak menyangka banjir kali ini merupakan antara yang terburuk pernah mereka alami. Namun, akhirnya kesemua responden dilihat lebih bersikap berlapang dada, sabar dan reda menerima ujian Allah tersebut. Mereka turut melahirkan rasa syukur kerana bencana banjir kali ini walaupun buruk tiada melibatkan kecederaan fizikal atau kehilangan nyawa. Mereka juga bersyukur kerana semasa dan selepas peristiwa banjir itu, mereka menerima banyak sumbangan daripada pelbagai pihak baik berupa sumbangan tenaga, kewangan, makanan, perkakas dan barang keperluan. Selain itu, mereka menyedari ini merupakan antara hikmah di sebalik bencana banjir berkat daripada kesabaran mereka dalam mengharunginya. Dari sudut hubungan dengan Tuhan pula, mereka bersetuju bahawa bencana banjir yang berlaku ini berjaya mendekatkan mereka kepada Allah SWT. Mereka menyadari bahawa perasaan marah, kecewa, menyesali nasib, buruk sangka dan menyalahkan takdir tidak wajar diluahkan. Sebaliknya mereka berdoa, tawakal dan mengadu tentang apa yang menimpa mereka hanya kepadaNya. Mereka turut muhasabah diri mereka atas apa yang menimpa mereka. Ini jelas difahami menerusi pendapat-pendapat yang diberikan:

Soalan	Pernahkah anda menyalahkan takdir atas ujian yang menimpa?
Jawapan	R2 : Dah takdir Tuhan, tak dapat apa yang kita nak elakkan, takkan nak lawan, tak boleh nak lawan. R4 : Tak terlintas langsung nak salahkan ke Dia. Semua kerja Dia. Anggap itu ujian Dia. Nak tengok kemampuan kita. Terpaksa hadapi juga. Tak salahkan Dia langsung.

Sepanjang sesi temu bual dijalankan, pengkaji dapati tiada luahan keluh kesah yang melampau atau nada putus asa yang disuarakan oleh responden. Sebaliknya sikap positif dan optimis dalam diri mereka dapat dilihat apabila mereka menyatakan bahawa mereka inisiatif untuk bangkit semula dan membaik pulih keadaan serta membantu jiran-jiran yang memerlukan bantuan dan

sokongan Sebagai contoh, salah seorang responden memberitahu pengkaji bahawa beliau turut berkongsi barang sumbangan yang disumbangkan kepadanya bersama mangsa-mangsa banjir yang lain. Ini di antara maklum balas daripada responden-responden tersebut:

Soalan	Pernahkah anda muhasabah diri, berfikir secara positif dan bersikap optimis atas ujian yang menimpa?
Jawapan	<p>R1 : Sentiasa nak membantu mangsa-mangsa lain. Reda dengan apa yang berlaku dan anggap ada hikmah. Selamatkan haiwan peliharaan kemudian bertawakal. Marah tu tak timbul. Rasa bersalah pun tak timbul, cuma perasaan nak pergi menolong orang.</p> <p>R2 : Reda dengan ujian dan syukur tidak seterusnya macam di Kelantan.</p> <p>R3 : Kena sabar kalau kena ujian macam ni. Tawakal. Sebelum banjir, usaha pindahkan barang, tapi air tetap naik.</p> <p>R4 : Berfikiran positif dengan banjir sebab dah selalu kena banjir, malah memanfaatkan untuk menangkap ikan. Terima dengan reda dan yang patut syukur, kita bersyukur.</p>

Tuntasnya, walaupun kesemua responden tidak mampu menjelaskan teori kefahaman *Ibtīlā'* secara lisan, namun mereka mengetahui adab-adab ketika menerima *Ibtīlā'* dan mampu menterjemahkannya menerusi keyakinan dan amalan mereka iaitu bersikap positif dan optimis dalam menghadapi bencana banjir.

### **Perkaitan Kefahaman Konsep *al-Ibtīlā'* Dengan Pembangunan Sahsiah**

Secara umumnya, kesemua responden amat terkesan dari segi emosi, mental dan fizikal akibat bencana banjir yang melanda kampung mereka. Sepanjang temu bual dijalankan, sedikit sebanyak mereka ada meluahkan rasa kecewa, terkilan dan tidak puas hati dengan pihak-pihak tertentu serta kepenatan, keletihan dan ketidaksesuaian yang teramat ketika melalui fasa semasa dan

pasca banjir. Namun, kefahaman mengenai takdir dan ketentuan Allah di atas apa yang berlaku menjadikan mereka sabar dan reda. Justeru, kefahaman dan keyakinan terhadap konsep *al-Ibtila'* dilihat dapat melahirkan sifat dan nilai sahsiah yang positif seperti lebih bertanggungjawab, lebih berusaha, lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT dan lebih tenang dalam menjalani kehidupan.

Selepas pulih dari banjir tersebut, mereka mengambil pengajaran dan iktibar serta muhasabah diri atas bencana yang menimpa. Dari sudut pengetahuan agama, kebanyakan responden menyatakan berlaku peningkatan terhadap keinginan dan usaha dalam mempelajari serta mendalami ilmu agama sebagaimana yang dijelaskan oleh mereka seperti berikut:

R1 : Untuk mendalami agama memang tak pernah putus, daripada sebelum atau selepas, sampai sekarang pun, masih tercari-cari. Bila di penempatan banjir tu ada dibuat tazkirah.

R3 : Ada peningkatan sedikit.

R4 : Ada. Kuliah ada selalu, tiap-tiap malam Isnin, malam Sabtu, malam rabu.

Mereka juga menjadi lebih reda, berlapang dada dan bersyukur atas bencana banjir yang menimpa kali ini sebagaimana yang dinyatakan berikut:

R1 : Kira memang reda dengan apa ketentuan. Cuma tu lah, rasa lebih dekat dengan Allah. Bilal bagi motivasi, kita ujian kecil sahaja. Bukan sampai mudaratkan badan.

R2 : Ini kerja Tuhan, bukan kerja manusia, jadi kena reda.

R3 : Kena reda. Berpuas hati dengan bantuan yang sangat banyak dari pihak luar. Lebih dekat dengan Allah.

R4 : Bersyukur sebab tak seteruk mangsa di tempat lain sampai sekarang tiada lagi rumah.

Banjir juga telah menjadikan mereka lebih bertanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat serta lebih berusaha memperbaiki kehidupan. Ini jelas dilihat menerusi respons yang diberikan seperti berikut:

- R1 : Lebih rapat dengan jiran rumah. Malah semasa bencana, banyak membantu mangsa-mangsa lain.
- R2 : Sedara mara yang jauh datang tolong mengemas rumah. Tiada masalah kalau tak dapat bantuan. Ada yang lagi teruk lagi.
- R3 : Kalau tak dapat bantuan pun boleh ikhtiar cara sendiri. Membantu membuat jalan alternatif bagi memudahkan bantuan masuk. Cuba membela nasib mangsa lain yang tidak dapat bantuan. Berpakat dengan kawan lain untuk menujuhan jawatankuasa membantu mangsa banjir untuk akan datang.
- R4 : Lepas bencana banjir, terus kembali bermiaga. Lebih berdikari, rumah rosak baiki sendiri. Macam kedai sendiri pun rosak, baiki guna duit sendiri juga. Semasa di tempat pemindahan, memang rasa rapat sangat, duduk ramai sama-sama duduk satu bilik 3 keluarga, memang rasa erat, rasa rapat.

Kesemua responden memberi respons yang sangat positif dan bersemangat apabila ditanya tentang persediaan yang dilakukan untuk menghadapi banjir di masa-masa akan datang. Berdasarkan pengalaman bencana banjir tempo hari, mereka memberikan beberapa cadangan. Antaranya:

- R1 : Cadangkan buat dua penempatan. Buat persediaan simpanan makanan. Buat rakit untuk binatang ternakan.
- R2 : Sedia barang makanan yang mencukupi.
- R3 : Pemberian bantuan utamakan orang yang rumahnya tenggelam dulu. Sediakan rakit untuk pengangkutan ketika banjir.
- R4 : Bersedia lebih sikit... takut-takut air cepat naik.

Ringkasnya, bencana banjir kali ini mampu memberi kesedaran kepada mangsa-mangsa banjir tentang kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Bencana banjir ini turut menjadikan mereka lebih dekat kepadaNya dan sentiasa berusaha ke arah yang lebih baik.

Daripada contoh kisah mangsa banjir ini, dapat dilihat bahawa banyak iktibar dan pengajaran yang boleh diambil untuk

dijadikan teladan dalam kehidupan kita. Antara rumusannya ialah untuk sentiasa yakin dengan Qada' dan Qadar Allah. Di dalamnya tersembunyi seribu satu hikmah yang ada kalanya tidak tercapai akal manusia biasa. Sentiasa berdoa memohon keampunan dan keredaan Allah kerana doa adalah senjata orang Mukmin.

Selain itu, boleh dirumuskan juga untuk sentiasa bersangka baik dengan Allah SWT. Kadangkala Dia turunkan sedikit musibah adalah sebagai peringatan, teguran, didikan dan tanda kasih sayang kepada HambaNya. Manusia memang dikenali sebagai makhluk yang selalu lalai dan lupa serta kurang bersyukur. Hanya dengan musibah dapat mengembalikan manusia ke jalan yang benar dan mendekat diri kepada Allah SWT.

Tambahan lagi, dapat diambil iktibar untuk sentiasa berpegang kepada maksud ayat-ayat Al-Quran iaitu Allah menguji hambaNya sesuai dengan kemampuan dan tahap kemampuan mereka. Setiap kesulitan dan kesusahan pasti akan digantikan dengan kemudahan dan kebahagiaan. Setiap perkara yang dibenci mungkin mengandungi kebaikan untuk kita, sebaliknya perkara yang disukai itulah yang membawa kemudarat kepada kita.

## **Penutup**

Berdasarkan perbincangan ini, pengkaji dapat membuat rumusan tentang perkaitan antara kefahaman konsep *al-Ibtila'* dengan pembangunan sahsiah iaitu seseorang yang memahami hakikat ujian dengan sebenar-benarnya, mempunyai kesabaran yang tinggi dalam menghadapi apa jua dugaan dan cabaran yang mendatang. Kesabaran merupakan sifat utama yang menjadi tunjang dalam pembangunan sahsiah. Apabila kesabaran mula tertanam dengan kukuh di dalam jiwa, maka wujudlah nilai-nilai kesyukuran dalam dirinya dari segi hati, lisan dan perbuatan. Dia akan sentiasa melihat ke bawah agar dirinya terpelihara daripada sifat dengki, cemburu dan iri hati serta tidak puas hati terhadap kelebihan orang lain. Secara tidak langsung dia telah terdidik dengan sifat qanaah iaitu berasa cukup dengan apa yang dimiliki. Daripada sifat sabar dan syukur ini, wujud sifat reda dengan takdir Allah. Dia yakin bahawa Allah merancang dan memberi yang terbaik untuk dirinya serta Allah menguji dirinya mengikut tahap kemampuan dan keimanannya. Sifat reda mengajarnya berlapang dada, bersikap terbuka dan berfikiran positif.

Kombinasi ketiga-tiga sifat mulia ini mendidik dirinya agar tidak mudah bersangka buruk dan menyalahkan takdir Allah SWT. Dia menyedari bahawa sifat buruk ini hanya akan menyeka dirinya serta membuat kehidupannya bertambah sempit dan tidak tenteram. Akhirnya, kefahamannya tentang konsep *Ibtila'* ini berjaya membangunkan sahsiah dirinya menjadi seorang Muslim yang sejati. Individu yang mempunyai sahsiah yang baik dan berakhhlak mulia membawa kepada keteguhan iman dan keyakinan yang tinggi terhadap Allah SWT.

## Bibliografi

- Abdul Halim Fathani, *Ensiklopedi Hikmah Memetik Buah Kehidupan di Kebun Hikmah* (Jogjakarta: Darul Hikmah, 2008).
- Al-Amin, al-Amin al-Sadiq, *al-Thabat 'ala Din Allah wa Atharuhu fi Hayat al-Islam* (Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi, 2004).
- Al-Jailani, Abdul Qadir, *Nasihat dan Wirid*, terj. Nabilah Abd Jalil (Batu Caves: Al-Hidayah, 2014).
- Al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakr, *Iddah al-Sabirin wa Zakhirah al-Shakirin* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.).
- Al-Khairi, Abu Muhammad Tolha, *Merentasi Ujian dan Rintangan Mendaki Kejayaan*, peny. Jaafar Salleh (Kuala Lumpur: Penerbit al-Bayan, 2009).
- Al-Khatib, Salih Ahmad, *al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah* (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2004).
- Al-Qarni, 'Aidh Abdullah, *La Tahzan: Jangan Bersedih Setelah Kesulitan Pasti Ada Kemudahan*, terj. Noraine Abu (Batu Caves: Al-Hidayah, 2013).
- Al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli, *Tafsir al-Sha'rawi* (Kaherah: Dar Akhbar al-Yawm, 1991).
- Faisal Ahmad Shah, "Konsep al-Ibtila' dan Cara Menghadapinya Menurut al-Qur'an dan Sunnah" (Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000).
- Ghazali, Muhammad, *Tafsir al-Ghazali: Tafsir Ayat-ayat Pilihan*, terj. Safir al-Azhar Ikatan Alumni Universiti al-Azhar Mesir (Johor Bahru: Jahabersa, 2005).
- Ghunaim, Hani Sa'ad, *Musibah (Ujian) Menyucikan Dosa dan Meninggikan Darjat*, terj. Abu Athiyyah dan Syahrin Jasah (Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa, 2012).

- Harussani Zakaria, *Indahnya Islam Mengatur Kita* (Kuala Lumpur: Must Read, 2010).
- Huwaydi, Hassan, *Min Nafahat al-Huda*, (Oman: Dar ‘Umar, 1998).
- Ibn ‘Abd al-Salam, Al-‘Izz, *al-Fitan wa al-Balaya wa al-Mihan wa al-Razaya* (Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir, t.t.).
- Ibn Hazm, Abu Muhammad ‘Ali bin Ahmad, *‘Ilm al-Kalam ‘ala Madhhab Ahl al-Sunna wa al-Jama‘ah*, ed. Ahmad Hijazi al-Saqa (Kaherah: Dar al-Jil, 1989).
- Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Ya Allah Kenapa Aku Diuji? Lulus Ujian dan Cubaan dengan Bimbingan al-Quran* (Kuala Lumpur: Inteam Publishing, 2012).
- Ibnu Qayyim al-Jauziah, *Rahsia Allah Menguji Kita* (Sungai Buloh: Kemilau Publik, 2014).
- Ibnu Qayyim al-Jauziyah, *Bagaimana Mencapai Ketenangan Jiwa* (Kuala Lumpur: Seribu Dinar, 2004).
- Ibnu Qayyim al-Jauziyah, *Mensyukuri Musibah*, terj. Nabilah Abd Jalil (Batu Caves: Al-Hidayah, 2009).
- Lukman Hakimi Ahmad, “Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam dalam Pembentukan Sahsiah Muslim: Kajian terhadap Pelajar di Politeknik Pantai Timur” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014).
- Mohammad Qayyum A. Badaruddin, *Kenapa Allah Murka* (Mantin: Exportal Dot Biz, 2008).
- Mohd Isa Selamat, *Jahiliyah di Alaf Baru* (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2002).
- Mohd Khairuddin Aman Razali at-Takiri, *Perspektif Islam Terhadap Fungsi Masjid, Perpaduan, Jihad, Peperangan, Jenayah Rogol, Kemiskinan, Poligami Dan Musibah* (Shah Alam: Darul Fuqaha Enterprise, 2006).
- Mohd Shauki Abd Majid, *Wacana Hadhari dalam Islam* (Kuala Lumpur: iBook Publication, 2004).
- Mohd Syukri Hanafi, *Di Sebalik Diri* (Kuala Lumpur: Must Read, 2010).
- Muhammad Hadrami Hassani, *Mengapa Manusia Menjadi Kufur* (Kuala Lumpur: Mulia Terang, 2010).
- Muhammad Nur Lubis, *Bencana (al-Ibtila’)* Pengertian & Konsep (Batu Caves: Al-Hidayah, 2008).

Safwan Fathy, *Motivasi Harian Membina Insan Mulia* (Shah Alam: Federal Publications, 2004).

Suhili Nain, *Pesan Buat Diri* (Batu Caves: PTS Islamika, 2011).

Syed Alwi Alatas, *Bila Allah Menduga Kita* (Kuala Lumpur: Must Read, 2013).

Wan Aznan Wan Abdullah, *Siri Motivasi dan Kecemerlangan Utusan: Pemikiran Positif Cara Islam Jalan Hidup Bahagia, Tenang dan Yakin* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2001).